# Majlis Dasar Luar Negara ditubuh

## Langkah mantap hubungan diplomatik PM

**Oleh Magendran Rajagopal**
*magendran@bharian.com. my*

KUALA LUMPUR: Ke-rajaan akan menu-buhkan Majlis Dasar Luar Negara bagi memberi sokongan dan bantuan dalam aspek memantapkan hubungan luar serta diplomatik, merangkumi forum lebih luas yang mengambil kira perkembangan sejagat, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, sudah sampai masanya kerajaan mempertimbangkan penyelarasan majlis seumpama itu bagi membincangkan' secara mendalam mengenai isu serantau dan antarabangsa yang membabitkan pembuat dasar serta pihak berkepentingan di negara lain.

"Forum bersifat saksama ini harus menjana percambahan minda bagi meningkatkan pemahaman negara terhadap dasar luar negara lain dan menyelaras hubungan le-bih akrab berasaskan lunas perundangan antarabangsa demi kemakmuran sejagat selain di negara sendiri.

"Majlis ini harus dianggotai tokoh dalam bidang berlainan seperti politik, keusahawanan, diplomatik, sektor awam, akademik, institusi penyelidikan, kewartawanan dan masyarakat madani supaya satu dasar yang mewakili minda masyarakat segenap lapisan rakyat dapat digubal.

"Keteguhan dasar luar dapat membantu kerajaan dan rakyat mempromosi kestabilan politik serta ekonomi dengan lebih berkesan bagi meraih kepercayaan negara lain," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Institut Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa (IDFR), di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Luar, Datuk Seri Dr Rais Yatim; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Rastam Md Isa.

IDFR yang ditempatkan di bangunan Wisma Putra lama turut membawa kenangan lama kepada Abdullah kerana pernah menjadi pejabatnya ketika beliau menjadi Menteri Luar sekitar 1991. Sejak ia ditubuhkan, lebih 7,000 diplomat asing dan pegawai kerajaan menjalani latihan di institusi itu.

Perdana Menteri berkata, hasrat Malaysia mencapai status negara maju menjelang 2020 memerlukan dasar luar yang jelas dan berpendirian teguh bagi meraih kepercayaan negara lain, baik dari segi ekonomi, politik atau bagi mencapai persefahaman umum dalam sesuatu isu.

**ABDULLAH menderma untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin selepas majlis pelancaran Institut Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa di Kuala Lumpur, semalam, sambil diperhatikan Rais, Syed Hamid dan Rastam (kanan).**

Katanya, kedudukan Malaysia sekarang dalam senarai 20 negara perdagangan terbesar dunia membuktikan tidak mustahil untuk mencapai tahap negara maju sebelum 2020 tetapi memerlukan perancangan strategik bagi memastikan hubungan luar turut subur seiring pem-bangunan negara.

"Saya berpendapat dasar luar hams berasaskan nilai moral dan etika walaupun dalam perkembangan dunia sekarang kebanyakan negara memisahkan moral dan dasar luar, namun saya percaya mas in ada tempat untuk sifat kemanusiaan seumpama ini.

"Mana-mana negara yang hanya mementingkan kepentingan ekonomi atau politik sempit akan kerugian besar akhirnya tanpa sebarang kawan mahupun sekutu bagi membantu apabila mereka terdesak," katanya.

Beliau menjadikan Israel sebagai contoh kerana kekejaman rejim itu menggunakan kuasa tentera yang melampau terhadap orang awam di Gaza, dicemuh hampir semua negara dunia tetapi tidak banyak yang dapat dilakukan kerana campur tangan kuasa besar tertentu.